

20 JAN 2002

Mahathir-Indera

KEMENANGAN DI INDERA KAYANGAN PETANDA BAIK BAGI BN UNTUK P/RAYA UMUM

ALOR SETAR, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemenangan Barisan Nasional dengan majoriti bertambah dalam pilihan raya kecil Indera Kayangan semalam adalah satu petanda baik kepada parti itu dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata BN bagaimanapun tidak akan bersikap terlalu yakin, kerana menjelang pilihan raya umum nanti, pembangkang mungkin berusaha untuk melakukan sesuatu bagi meraih simpati.

"Kita tidak bolehlah yakin kerana mungkin ada satu peristiwa yang dicetuskan oleh parti lawan untuk meraih simpati," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini hari ini.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebelum itu menghadiri istiadat penganugerahan darjah serta bintang kebesaran sempena Hari Keputeraan Sultan Kedah ke-74 di Istana Anak Bukit di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kejayaan calon BN Oui Ah Lan mengalahkan calon Parti Keadilan Nasional Khoo Yang Chong dengan majoriti 2,592 berbanding 1,974 yang dicapai pada pilihan raya umum 1999.

Oui, 58, yang juga Ketua Wanita MCA Perlis, memperolehi 4,279 undi manakala Khoo, 60, seorang bekas guru, mendapat 1,687. Pada pilihan raya umum lepas, kerusi itu dimenangi oleh calon BN Datuk Khor Liang Tee, yang meninggal dunia Disember lepas kerana sakit barah.

Dr Mahathir berkata sekarang ini sudah nampak kesedaran di kalangan rakyat untuk kembali menyokong BN sebagai parti yang boleh mendatangkan faedah.

Katanya rakyat sedar mereka tidak harus membazir undi kerana rasa marah terhadap sesuatu tanpa sebab.

Perdana Menteri berkata rakyat sudah berfikiran matang dan kembali menyokong BN sebagai parti yang boleh memberi layanan kepada mereka dan menunaikan janji-janjinya.

"Sekarang ini adalah politik berkenaan kehidupan bahagia. Bagi rakyat, yang penting adalah pembangunan negara, keamanan, bukan hendak nak main isu orang itu kena naya (aniaya), orang ini kena naya," katanya.

Beliau berkata keputusan pilihan raya itu juga menunjukkan Parti Keadilan Nasional sudah tidak dapat menarik sokongan dan masa depan parti itu juga sudah malap.

"Banyak anggota dan pemimpin parti itu sudah hilang kepercayaan terhadap parti mereka.

"Kita lihat Keadilan diperkuda oleh PAS. Dengan adanya Keadilan, yang bertambah adalah bilangan wakil rakyat PAS, sehingga pemimpin PAS dapat mengatasi DAP dalam menjadi ketua pembangkang," katanya.

Dr Mahathir berkata anggota Keadilan sudah sedar bahawa parti itu tidak mempunyai asas perjuangan.

"Ramai anggota tinggalkan Keadilan. Sama ada mereka menyertai Umno atau tidak, itu tidak penting. Yang penting, jangan benar diri ditipu kerana kepentingan seseorang," katanya.

Perdana Menteri berkata calon Keadilan hanya mampu menabur janji kosong.

"Beliau janji nak turun cukai, itu hanya janji kosong kerana dia parti lawan. Pilihan raya kecil tidak memungkinkan Keadilan mendirikan kerajaan. Kalau dia menang pun dia tak boleh buat apa, orang yang undi dia rugilah," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan naib presiden Keadilan, Azmin Ali yang mahu

mendedahkan kandungan kotak yang didakwa mengandungi dokumen rahsia kerajaan, Dr Mahathir berkata itu hanya ugutan.

"Kalau dia boleh dedah, kita juga boleh dedah, kita ada cukup bukti," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, sekiranya Keadilan mempunyai bukti mengenai pengundi hantu pada pilihan raya kecil itu, mereka boleh membawa perkara itu ke mahkamah.

-- BERNAMA

MAN MZM MAI